

FAKTOR-FAKTOR YANG BOLEH MEMPENGARUHI KEJAYAAN USAHAWAN DI KALANGAN ASNAF DI MALAYSIA: SATU TINJAUAN LITERATUR

**Suraini Saufi¹ Tuan Samsudin bin Tuan Noor¹, Mohd Azim bin Abu
Hasan Shaari¹, Sabree Noor²**

¹Department of Muamalat, Sultan Ismail Petra International Islamic College (KIAS), 15730, Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.

²Research Assistant (RA), Department of Muamalat, Sultan Ismail Petra International Islamic College (KIAS), 15730, Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia

Corresponding Author: Suraini Saufi. ¹Head of Department of Muamalat, Sultan Ismail Petra International Islamic College (KIAS), 15730, Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia. Email: suraini@kias.edu.my.

Abstrak

Bidang keusahawanan mempunyai potensi yang tinggi untuk mengubah keadaan sosio ekonomi masyarakat dan negara. Demi peningkatan sosio ekonomi keluarga, golongan asnaf juga tidak terkecuali dalam menceburi bidang ini. Zakat dilihat mampu untuk membantu golongan asnaf ke arah melahirkan usahawan asnaf yang berjaya. Kajian mengenai kejayaan usahawan asnaf perlu diketengahkan bagi membuktikan keberkesanan dana zakat kepada asnaf fakir dan miskin dalam masa yang sama memberi kepercayaan kepada pembayar zakat terhadap institusi zakat amnya. Kajian ini merupakan satu tinjauan daripada sorotan literatur secara sistematik berkaitan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi kejayaan usahawan di kalangan asnaf di Malaysia. Tinjauan ini mendapati bahawa faktor luaran dan dalaman memainkan peranan penting di atas kejayaan usahawan asnaf. Faktor tersebut ialah bantuan modal, ilmu pengetahuan mengenai keusahawanan, sokongan dan bantuan daripada ahli keluarga dan rakan-rakan asnaf. Sehubungan itu, selain daripada galakan agar masyarakat terus memberi peluang kepada usahawan asnaf untuk mengubah kehidupan mereka, satu kajian emperikal dengan lebih mendalam juga perlu dilaksanakan untuk mengukuhkan lagi hasil dapatan tersebut.

Kata kunci: Asnaf, zakat, usahawan

(FACTORS THAT CAN AFFECT THE SUCCESS OF ENTREPRENEURS AMONG ASNAF IN MALAYSIA: A LITERATURE REVIEW)

Abstract

The field of entrepreneurship has a high potential to change the socio -economic conditions of society and the country. For the sake of improving the socio -economy of the family, the asnaf group is also no exception in venturing into this field. Zakat is seen to be able to help the asnaf group towards producing successful asnaf entrepreneurs. Studies on the success of asnaf entrepreneurs need to be highlighted to prove the effectiveness of zakat funds to the poor and needy asnaf while at the same time giving confidence to penis payers towards zakat institutions in general. This study is a review of the literature highlights systematically related to the factors that can influence the success of entrepreneurs among asnaf in Malaysia. This survey found that external and internal factors play an important role on the success of asnaf entrepreneurs. The factors are capital assistance, knowledge of entrepreneurship, support and assistance from family members and asnaf friends. In this regard, apart from encouraging the community to continue to provide opportunities for asnaf entrepreneurs to change their lives, a more in -depth empirical study should also be conducted to further strengthen the findings.

Keywords: *Asnaf, zakat, entrepreneurs*

Received: October 21, 2021

Accepted: December 27, 2021

Online Published: December 31, 2021

1. Pendahuluan

Islam mengiktiraf konsep keusahawanan memandangkan bidang tersebut mempunyai potensi yang tinggi untuk mengubah keadaan sosio ekonomi masyarakat dan negara. Berdasarkan kedudukan senarai 50 orang terkaya di Malaysia pada tahun 2020 yang diterbitkan oleh majalah perniagaan popular Forbes (2020) hanya terdapat tujuh individu melayu tersenarai dalam ranking tersebut sama seperti tahun 2019. Ini menunjukkan masyarakat muslim masih lagi ketinggalan untuk menonjolkan diri di dalam industry ini walaupun pelbagai dasar dan program telah diperkenalkan untuk membantu masyarakat terutamanya golongan B40 menjalani kehidupan yang lebih baik dan selesa. Peranan penting ini juga digalas oleh institusi zakat memandangkan kebanyakan asnaf adalah dalam golongan B40. Mereka turut memainkan peranan penting bagi membantu ekonomi umat Islam di Malaysia (MeeranganI & Zaham Azman, 2019).

Zakat sebagai sebagai salah satu mekanisme pembasmian kemiskinan mampu memenuhi keperluan asnaf sama ada dalam bentuk bantuan tetap bulanan atau suntikan modal bagi membolehkan mereka berdikari. Kini, institusi zakat mula mengorak langkah

dengan melaksanakan program jangka panjang bagi merealisasikan agenda pembasmian kemiskinan kerana isu kemiskinan perlu ditangani secara berterusan dan bukannya pada musim-musim tertentu sahaja.

Secara umumnya, terdapat dua bentuk bantuan zakat yang disediakan oleh pihak institusi zakat iaitu bantuan produktif dan bantuan bukan produktif. Bantuan produktif merujuk kepada bantuan modal sama ada dalam bentuk wang tunai atau pun peralatan bagi membantu golongan asnaf mengubah kehidupan mereka ke arah yang lebih baik. Bantuan ini biasanya diberikan dalam bentuk jangka panjang. Bantuan bukan produktif pula bersifat jangka pendek bagi membantu asnaf meneruskan kelangsungan hidup mereka dengan memenuhi keperluan asas yang diperlukan seperti bantuan perubatan, saran bulanan, makanan, sewa rumah dan lain-lain (Fatimah Salwa et al., 2014).

2. Latar Belakang

Usahawan asnaf boleh didefinisikan sebagai individu yang melalui suatu proses penciptaan usaha niaga, mampu memikul tugas, tanggungjawab dan mencuba sebagai peniaga yang dirangsang dengan dorongan dan bantuan daripada institusi zakat di Malaysia terutamanya golongan fakir, miskin dan muallaf miskin (Zuriyati & Nurul Ilyana, 2018) . Islam telah menggariskan beberapa peraturan kewangan dalam mewujudkan dana untuk manfaat umat Islam dan zakat dilihat mampu untuk membantu golongan asnaf ke arah melahirkan usahawan asnaf yang berjaya. Oleh yang demikian, bantuan modal daripada dana zakat ini dapat mengelakkan individu usahawan asnaf daripada terjebak dengan masalah riba melalui kaedah qardhul al-hasan, seterusnya akan menjauhkan diri asnaf daripada terus menjadi asnaf zakat. Terdapat banyak kajian mengenai kejayaan usahawan muslim dan bumiputera dalam bidang perusahaan kecil. Namun begitu, kejayaan usahawan asnaf kurang mendapat perhatian para pengkaji disebabkan mereka adalah penerima zakat produktif yang terdiri daripada usahawan asnaf fakir dan miskin yang mempunyai banyak kelemahan dan kekurangan. Pengkaji berpendapat kajian mengenai kejayaan usahawan asnaf perlu diketengahkan bagi membuktikan keberkesanan dana zakat kepada asnaf fakir dan miskin khususnya dan memberi kepercayaan kepada pembayar zakat terhadap institusi zakat amnya. Sehubungan dengan itu, satu kajian dari sorotan literature boleh menjadi langkah awal ke arah kajian yang lebih mendalam terhadap usahawan asnaf.

3. Permasalahan Kajian

Kejayaan melepasi had kifayah dianggap sebagai tanda aras untuk membuktikan bahawa bantuan modal yang diberikan telah membuahkan hasil yang diinginkan iaitu mengeluarkan asnaf daripada kelompok asnaf penerima zakat dan sebaiknya berubah menjadi individu pengeluar zakat. Walaubagaimana pun menurut bantuan modal zakat yang diberikan setakat ini masih belum menghasikan kejayaan dari aspek mengeluarkan golongan asnaf dari belunggu kemiskinan dan melepasi had kifayah. Dalam konteks usahawan asnaf, didapati hanya 23% daripada penerima zakat Bantuan Jayadiri di Kedah berjaya keluar daripada kemiskinan (Nor Shafinas, 2014).

4. Kaedah Kajian

Kajian ringkas ini dibuat melalui sorotan literatur daripada beberapa kajian mengenai faktor kejayaan usahawan yang telah dijalankan di Malaysia. Carian dibuat melalui platform Google Scholar dan sorotan dibuat mengikut kronologi.

5. Sorotan Kajian

Menurut Rosli (2010) kebiasaannya seseorang usahawan akan berdepan dengan masalah untuk mendapatkan pembiayaan modal. Modal merupakan nilai bersih dalam perniagaan atau syarikat yang digunakan untuk menambahkan lagi nilai perniagaan atau syarikat tersebut. Modal terdiri daripada tunai, investori, loji dan kelengkapan. Usahawan perlu memahami dengan lebih jelas dari segi bentuk, jenis, dan sumber pembiayaan yang diperlukan untuk membiayai perniagaannya. Sesebuah perniagaan juga boleh mengalami kegagalan sekiranya seseorang usahawan itu tidak mempunyai modal yang mencukupi untuk memulakan perniagaan yang diusahakan. Modal sangat penting untuk menguruskan sesuatu perniagaan. Jumlah modal berbeza mengikut saiz perniagaan, lokasi perniagaan serta jenis industri yang diceburi.

Pada tahun 2011, Rahman, Rosbi Abd, dan Sanep Ahmad melalui kajiannya menyatakan bahawa strategi pembangunan usahawan asnaf tidak hanya sekadar memberi focus kepada aspek bantuan modal sahaja tetapi perlu disertakan dan dilengkapi dengan factor lain seperti umur, jantina, tempoh perniagaan, ciri perniagaan, aspek pemantauan, kecekapan pengurusan zakat, sikap optimis, jaringan social, kemahiran social, dan mengambil risiko signifikan yang mempengaruhi kejayaan perniagaan.

Kajian daripada Zuriyati Yaakub dan Ilyana Adnan (2014) mendapati minat yang mendalam dalam bidang perniagaan menjadi satu factor usahawan asnaf berjaya menghasilkan produk keluaran masing-masing selain daripada bakat yang sedia ada. Segala tanggungjawab akan dilakukan dengan penuh tekun dan ikhlas. Perasaan minat terhadap sesuatu bidang yang diceburi merupakan daya penggerak untuk mendorong seseorang itu memberi perhatian kepada benda atau kegiatan. Secara umumnya usahawan yang menceburi bidang keusahawanan ini berdasarkan minat akan sentiasa bekerja keras untuk mencapai matlamat sasaran yang di inginkan kemahiran pengurusan, pengalaman pengurusan dan industri keadaan ekonomi, perancangan, hubungan social, jaringan dan pemasaran adalah factor luaran kejayaan seseorang usahawan (Nadzri, Suhaila, Suhaily Md Shamsudin, dan Muhammad Firdaus Muhammad Sabri, 2014)

Menurut Hadi, Fatimah Salwa Abd, and Joni Tamkin Borhan (2014) faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan asnaf adalah melalui kekuatan ciri keperibadian seharian seperti jujur, amanah, suka bersedekah, dan menjaga solat menjadi pencetus kejayaan seseorang dalam apa bidang yang diterajui. Faktor luaran pula seperti kemahiran, ilmu pengetahuan, bantuan kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan serta minat juga turut menyumbang kepada kejayaan usahawan dalam perniagaan yang diusahakan. Bidang perniagaan merupakan satu bidang kerjaya yang sangat penting dalam pembangunan ekonomi sesebuah Negara. Setiap individu yang menceburi bidang perniagaan juga mempunyai harapan untuk Berjaya. Maka, untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya seharusnya mempunyai sikap yang gigih dan bersungguh-sungguh dalam melakukan urusan

yang melibatkan perniagaan. Malah usahawan juga perlu melengkapkan diri dengan ilmu perniagaan dan kemahiran dalam menguruskan perniagaan untuk mencapai kejayaan.

Menurut Zuriyati Yaakub & Ilyana Adnan (2014) dalam penyelidikannya mengatakan bahawa dengan menjadikan ilmu pengetahuan dikedudukan yang teratas menyebabkan usahawan asnaf sentiasa menghadirkan diri untuk mengikuti sebarang kursus dan seminar yang telah dianjurkan bagi tujuan penambahan ilmu pengetahuan dalam bidang perniagaan. Mereka juga beranggapan bahawa ilmu perniagaan sememangnya tidak mencukupi sehingga menyebabkan usahawan asnaf ini sentiasa mencari peluang untuk menimba ilmu mengenai perniagaan terutamanya ilmu berkenaan pemasaran, pembungkusan, penjenamaan dan sebagainya yang dapat menarik perhatian pelanggan terhadap produk yang telah dihasilkan.

Pada tahun 2019, Hashim, Mohamad dan Othman dalam kajiannya mendapati golongan asnaf terlibat dengan aktiviti perniagaan adalah bertujuan untuk menyara kehidupan dan kelestarian ekonomi keluarga. Penglibatan dalam perniagaan merupakan salah satu kaedah untuk menyara kehidupan keluarga. Prestasi perniagaan perlu diambil perhatian bagi tujuan kesinambungan perniagaan seterusnya membantu kelestarian bidang perniagaan yang diceburi. Prestasi eniagaan yang baik dapat membantu golongan usahawan asnaf bukan sahaja untuk menyara kehidupan, malah boleh berubah menjadi pembayar zakat pada masa akan datang. Perniagaan usahawan asnaf ini bermatlamat untuk mendapatkan keuntungan bagi menyara kehidupan mereka tanpa mempunyai pelbagai matlamat dan objektif.

Menurut (Faizah & Azhar, 2019), kemahiran merupakan satu aspek penting untuk mengasah bakat yang terpendam dan menghasilkan tenaga ke dalam tindakan usahawan di dalam mencapai kejayaan dalam perniagaan. Kemahiran adalah satu kunci kejayaan kebanyakan usahawan yang telah berjaya. Penerokaan ilmu pengetahuan berkaitan dengan bidang perniagaan menjadikan seseorang usahawan itu lebih bijaksana ketika membuat sesuatu keputusan. Asas ilmu perniagaan sangat penting untuk dikuasai terutama ilmu berkaitan dengan asas pemasaran, undang-undang perniagaan, asas perakaunan, asas pengurusan sumber manusia dan asas pentadbiran perniagaan. Kemahiran komunikasi dan hubungan sesama manusia di tempat kerja juga amat penting dan merupakan kemahiran yang sangat diperlukan untuk memastikan kejayaan sesuatu bidang kerjaya yang diceburi. Untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya, seseorang itu perlu belajar atau menuntut ilmu daripada pakar yang berpengetahuan luas dalam bidang perniagaan dengan mengikuti kursus, seminar, perbincangan dan sebagainya untuk menambahkan kemahiran dan pengalaman dalam bidang perniagaan.

Kesimpulannya, beberapa kajian sebelum ini telah membuat penyelidikan berkenaan beberapa faktor tercetusnya usahawan di kalangan asnaf yang mempengaruhi asnaf untuk menceburi bidang perniagaan. Antara faktor yang mempengaruhi usahawan asnaf adalah disebabkan minat, kelestarian ekonomi keluarga, bantuan kewangan, kemahiran dan latihan, serta mempunyai ilmu pengetahuan dalam bidang keusahawanan. Kajian ini menumpukan faktor tercetusnya usahawan kalangan asnaf di Malaysia.

4. Penutup

Faktor-faktor yang banyak ini boleh dikategorikan kepada beberapa pembolehubah dengan merujuk kepada model-model dan teori kejayaan usahawan. Pembinaan model-model untuk

pembangunan usahawan asnaf telah dibangunkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu seperti model MIKAZ, model pemindahan teknologi , cadangan perniagaan sosial, aplikasi MYEMA dan model pembangunan usahawan asnaf MAIDAM (PUASMA) (Nurul Ilyana, 2018) seharusnya menjadi rujukan kepada institusi-institusi zakat untuk melahirkan usahawan asnaf sebagaimana kejayaan MAIWP dan Majlis Agama Islam Selangor yang Berjaya melahirkan usahawan asnaf yang boleh dibanggakann sehingga kini. Dana zakat yang ada perlu digunakan dengan cekap. Bantuan yang disalurkan haruslah mampu meningkatkan produktiviti golongan asnaf terutamanya fakir dan miskin agar mereka boleh keluar dari kemiskinan dan akhirnya mampu membayar zakat dan memberi impak yang besar kepada ekonomi negara.

RUJUKAN

- Adnan, Nurul Ilyana M. (2015) "Mikro kredit daripada dana zakat di Baitul Mal Aceh dan potensi pelaksanaannya di institusi-institusi zakat di Malaysia." PhD diss., Universiti Sains Malaysia.
- Azman, A. R., Mohamad Yazis Ali Basah, Mohammad Noorizzuddin Nooh, Mahdhir Abdullah, Ahmad Anis Mohd Fauzi, and Mohd Faez Abu Bakar. (2017). "Program Usahawan Bagi Memperkasakan Ekonomi Golongan Asnaf: Pemantauan daripada Aplikasi MYEMA." *Journal of Fatwa Management and Research* 7, 57-74.
- Fatimah Salwa, A. H., Mohd Yahya, M. H., Azila, A. R., Fidlizan, M., & Mohamad Azahari, A. (2014). Faktor Penentu Prestasi Bukan Kewangan Usahawan Asnaf Zakat di Negeri Selangor. International Conference on Masjid, Zakat and Waqf, December, 148–162.
- Hadi, Fatimah Salwa Abd, and Joni Tamkin Borhan. (2014). "Faktor-Faktor Kejayaan Perniagaan Khadijah Binti Khuwailid: Analisis Terhadap Usahawan Asnaf Di Lembaga Zakat Selangor." *Jurnal Syariah* 21, no. 2.
- M. Sabri, Zainudin, Rohana, M. Ariff & Azian, (2017). Model Pembangunan Usahawan Asnaf Maidam (Puasma), dlm Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia, 111-124
- MeeranganI, K. A., & Zaham Azman, U. K. (2019). Keberkesanan Program Pembangunan Ekonomi Asnaf Oleh Lembaga Zakat Selangor. *E-Academia Journal*, 8(2). <https://doi.org/10.24191/e-aj.v9i2.7380>
- Nafukho, F. M., & Muya, M. A. H. (2010). Entrepreneurship and socioeconomic development in Africa: a reality or myth? *Journal of European Industrial Training*, 34(2), 96–109. <https://doi.org/10.1108/03090591011023961>
- Nadzri, S., Sultan, N. S. M., & Baharudin, N. A. (2016). Kecenderungan pelajar asnaf dalam menceburi dunia keusahawanan. In *Proceeding of the 3rd International Conference on Management & Muamalah 2016 (3rd ICoMM) (Vol. 2016, pp. 239–260)*.
- Nadzri, Suhaila, Suhaily Md Shamsudin, and Muhammad Firdaus Muhammad Sabri. (2014) "Faktor-faktor penyumbang kepada kejayaan dan kegagalan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bumiputera di Malaysia." In *E-proceedings of the Conference on Management and Muamalah (CoMM 2014)*, pp. 191-200.
- Nurul Ilyana, M., (2014). Pembinaan Model Zakat Mikro Kredit: Satu Kajian Awal. Dlm. *Proceeding International Conference On Islamic Jurisprudence (ICIJ) 2016*, Hlm.

592–597

- Rahman, Rosbi Abd, and Sanep Ahmad. (2011). "Strategi Pembangunan Keusahawanan Asnaf Fakir dan Miskin melalui Agihan Bantuan Modal Zakat." *Jurnal Pengurusan* 33. 37-44.
- Rosli Mahmood, (2010). *Pembiayaan Perniagaan*. Di dalam Rosli Mahmood, Azrain Nasyarah, Rosli, Mohamad Yusop, Norria, Syahrina, Ahmad Khairi, Hoe Chee Yee, Shamsul Huda, Muhammad Shukri, Shiza Sa'atur, Lily Julienti, Habshah (2nd Edition). *Prinsip-prinsip Keusahawanan* (pp. 229-250) Cengage Learning Asia Pte Ltd.
- Suhaini, Norhasyila, & Yuslina. Faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan kecil mara di negeri Perlis.(t.th) 1–14.
- Sanep, A. (2012). *Membangun Keusahawanan Asnaf: Analisis Konsep Model Pemindahan Teknologi*. *Prosiding Perkem Vii*, 1, 709–715.
- Shin, H. W., Picken, J. C., & Dess, G. G. (2017). Revisiting the learning organization: How to create it. *Organizational Dynamics*. <https://doi.org/10.1016/j.orgdyn.2016.10.009>
- Suhaila,T, Shahnaz, A. & Noraini. (2012). *Impak Agihan Zakat Terhadap Kualiti Hidup Asnaf Di Selangor*. *Proceeding Of The 2nd International Conference On Economics & Banking 2016* (May):1–6
- Yaakub, Z., & Adnan, N. I. M. (2019). Faktor-faktor kejayaan usahawan ikon Majlis Agama Islam Melaka (MAIM). *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 11(1), 82–93.
- Yazilmiwati@ Hasni Yaacob. (2016). *Kajian Faktor Kejayaan dan Pencapaian Usahawan Muslim di Malaysia* (Vol. 1).
- Zhang, S. X., & Cuerto, J. (2018). The study of bias in entrepreneurship. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 41(3), 419–454. <https://doi.org/10.1111/etap.12212>
- Zuriyati Yaakub & Ilyana Adnan, (2018). *Faktor-Faktor Kejayaan Usahawan Ikon Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)*, Universiti Kebangsaan Malaysia, (Vol 2018. pp 89-91)
- Zakaria, F. B., & Harun, A. Bin. (2019). Skills and Success of Asnaf Entrepreneurs: Islamic Spiritual Practice as Moderators. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 4(24), 98–108.
- Zuriyati, Y., & Nurul Ilyana, M. adnan. (2018). Faktor-Faktor Kejayaan Usahawan Ikon Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) Success Factors of Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) Icon Entrepreneur Akademia Baru. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 1(1), 82–93.